

07/04/1999

PM dirawat kerana bronkitis

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) kerana menghidap bronkitis dan bukannya masalah jantung, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Beliau kena sakit bronkitis dan tiada kena mengena dengan jantungnya," katanya.

Menurut Abdullah, beliau menghubungi IJN pagi ini bertanya mengenai keadaan kesihatan Dr Mahathir dan diberitahu Perdana Menteri perlu berehat.

"Tiada apa yang perlu dibimbangkan ketika ini. Saya fikir Perdana Menteri harus diberi peluang untuk berehat secukupnya.

"Jika Perdana Menteri keluar dari hospital dengan segera, beliau akan menangani banyak perkara dan cuba melakukan banyak benda. Jadi pihak hospital berasa beliau patut berehat," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Dr Mahathir dimasukkan ke IJN Jumaat lalu dan menurut satu kenyataan dari pejabatnya, Perdana Menteri dinasihatkan supaya berehat secukupnya kerana infeksi paru-paru.

Abdullah berkata, beliau tidak pasti bila Perdana Menteri akan dibenarkan pulang.

"Tetapi yang pastinya, dia perlu berehat. Jika perkara itu diserahkan kepada Perdana Menteri, beliau mahu keluar segera untuk ke pejabat dan membuat kerja.

"Bagaimanapun, doktornya berpendapat Dr Mahathir perlu berehat," katanya sambil menjelaskan beliau sudah melawat Perdana Menteri dan akan mengunjunginya semula.

Sehubungan itu, Abdullah menafikan khabar angin kononnya Perdana Menteri sakit teruk.

"Tak adalah ... ini cerita-cerita yang tak patut direka-reka. Sangat tidak baik untuk berkata begitu," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, turut menolak khabar angin kononnya bekas exco Pemuda Umno, Dr Abdul Rahim Ghouse, sudah ditahan berikutan pembabitannya dalam gerakan reformasi.

(END)